

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 24 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 04

Bapa rayu keadilan buat Adib

SHAH ALAM - Bapa Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, anggota bomba yang terkorban ketika rusuhan di Kuil Seri Maha Mariaman USJ 25 pada 27 November tahun lalu, berharap agar penghakiman inkues anaknya itu dapat dijalankan dengan adil tanpa diganggu mana-mana pihak.

Menerusi klip video penuh hiba dan emosi itu, Mohd Kassim Abdul Hamid, 63, berkata, keputusan inkues yang ditetapkan pada 27 September ini adalah penentu sama ada keadilan buat anaknya dapat ditegakkan atau sebaliknya.

"Kehidupan kami seolah-olah tidak



sempurna dan sentiasa memikirkan perihal keadilan yang tertanggung untuk Adib. Saya dimaklumkan bahawa pada 27 September ini adalah keputusan inkues di Mahkamah Shah Alam.

"Ini adalah penentu sama ada keadilan untuk Adib dapat ditegakkan atau sebaliknya. Kami sekeluarga tidak pernah jemu berdoa untuk Adib, memohon

kepada ALLAH agar misteri kematian Adib dapat diadili sebaiknya," katanya semalam.

Menerusi video berdurasi 2.44 saat itu, ibu Muhammad Adib turut kelihatan berada di samping suaminya.